

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Jumaat, 23 Oktober 2020 3:40 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: CACIE 2020 Perkasa Pendidikan Global Masa Depan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 OKTOBER 2020 / 6 RABIULAWAL 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

CACIE 2020 PERKASA PENDIDIKAN GLOBAL MASA DEPAN



UUM ONLINE: Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah membuka mata penduduk dunia untuk menyedari bahawa semua kini berada dalam komuniti yang mempunyai masa depan dan tujuan bersama untuk keselamatan, pembangunan, kestabilan selain mencari jalan penyelesaian untuk pendidikan global dalam menghadapi wabak tersebut.

Justeru, bagi merealisasikan hasrat tersebut, pemikir di seluruh dunia berkongsi pengalaman, meneroka kaedah baru pembangunan pendidikan antarabangsa dan merangka demi masa depan pendidikan global pada persidangan antarabangsa, *China Annual Conference for International Education and Expo 2020 (CACIE 2020)* yang berlangsung secara maya mulai 21 hingga 28 Oktober.

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan dalam persidangan antarabangsa tersebut.

Dalam sesi persidangan utama yang berlangsung baru-baru ini, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah dijemput sebagai salah seorang panel bagi forum bertajuk '*Future of the Higher Education Globalization Challenges, Opportunities and Solutions*' bersama-sama barisan panel dalam kalangan presiden universiti ternama di China.

Beliau telah berkongsi amalan terbaik yang dilaksanakan oleh UUM dalam menghadapi Covid-19 dan perkembangan sistem pendidikan negara yang berkembang pesat.

"Ketika dunia dilanda penularan Covid-19 kita perlu hidup dalam norma baharu, dengan perubahan dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di seluruh dunia, sekali gus menjejaskan kehidupan semua orang terlibat.

"Kaedah yang boleh diamalkan iaitu pengajaran yang melibatkan interaksi antara satu sama lain. selain itu teknologi memainkan peranan penting sebagai medium untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (online)," katanya.

Naib Canselor berkata, pendidikan tinggi di Malaysia semakin berkembang pesat dari segi kualiti dan kuantiti dalam ekosistem yang kondusif, malah terkenal sebagai hab pendidikan secara global.

Di UUM sendiri, menurutnya, sudah melaksanakan pelbagai aktiviti dengan pihak industri serta mempunyai rakan kongsi strategik dari negara Eropah dan China yang memiliki potensi yang sangat besar.

Pada sesi itu, beliau turut memperkatakan tentang perkembangan terkini UUM termasuk pencapaian berimpak tinggi seperti QS World University Rankings dan Times Higher Education World University Rankings.

Pada sesi soal jawab, Naib Canselor telah mengulas tentang proses pengajaran dan pembelajaran secara *online* berikutan pandemik Covid-19 serta kemungkinan universiti akan kembali untuk mengadakan kelas bersama pelajar secara bersemuka.

"Dalam keadaan sekarang, sesi PdP secara *online* kini bukan lagi untuk sementara waktu, justeru kita perlu memikirkan cara untuk mengira dan menyusun semula kaedah pengajaran yang sesuai dengan perkembangan teknologi.

"Pelajar juga sudah mula boleh menerima kaedah pembelajaran secara *online* sejak tercetusnya pandemik ini. Mengambil pendekatan awal seiring dengan perkembangan itu, UUM telah melangkah menuju ke arah kampus digital dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi seperti data raya (big data), *Internet of Things* (IOT) dan *Artificial Intelligence* (AI)," katanya.

Tambahnya, UUM menyediakan platform yang terkini dan selamat dengan ciri-ciri keselamatan maya (cyber security) ke atas aplikasi seperti UUM *Online Learning*, sistem pendaftaran secara atas talian dan platform untuk sistem pentaksiran secara atas talian.

Mengakhiri forum itu, beliau berterima kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di atas kepercayaan dengan memilih UUM sebagai hos mewakili universiti awam di Malaysia bagi persidangan itu.

Sebelum itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dalam ucap tama beliau berkata, Malaysia menerusi KPT berhasrat untuk memanfaatkan hubungan Malaysia-China yang terus berkembang menerusi aktiviti pertukaran dan kerjasama jangka panjang, komprehensif, pelbagai peringkat yang akan memberi manfaat kepada generasi akan datang.

"Malaysia yang terkenal dengan tagline '*Education Malaysia: - Truly ASIA Affordable World-Class Education*' kini mempunyai 20 universiti awam, 437 institusi pendidikan tinggi (IPT) dan pelbagai institusi pendidikan vokasional lain yang diiktiraf oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa.

"Kerjasama penyelidikan antara Malaysia dan China antara tahun 2014 dan 2019 telah menghasilkan 3,724,546 hasil ilmiah dengan melibatkan 1,067 institusi," katanya yang menyokong usaha tersebut dengan kemampuan untuk menyumbangkan idea segar dan bertindak secara kreatif terhadap cabaran semasa dan masa depan yang dihadapi dalam masyarakat.

Sehubungan itu, beliau berharap usaha geran penyelidikan bersama antara kedua negara dapat mempromosikan program pertukaran antara Malaysia-China melalui program *edutourism*.

CACIE merupakan anjuran China Education Association for International Exchange yang melibatkan beberapa sesi forum dengan jemputan panel serta sesi promosi universiti dari pelbagai negara.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.